

MQA komited jadikan Malaysia hab pendidikan global

[Amir Abd Hamid](#)

amir_hamid@mediaprima.com.my



DR Mohammad Shatar (depan, tengah) bersama peserta Sesi Jelajah MQA @ IPT Swakreditasi. FOTO Ihsan MQA

Kuala Lumpur: Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan universiti tempatan berstatus swaakreditasi komited menjadikan negara ini sebagai hab pendidikan global menerusi penawaran program *micro-credentials*.

Ketua Pegawai Eksekutif MQA Prof Fatuk Dr Mohammad Shatar Sabran berkata, dalam kalangan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan, program *micro-credentials* hangat diperkatakan dan universiti berstatus swaakreditasi perlu menjadi pelopor atau pencipta trend dalam penawarannya.

"Jangan fikir apabila IPT lain tidak menawarkan sesuatu program, mengapa kita perlu buat? persoalannya, mengapa perlu tunggu orang lain buat baru kita nak buat? Jika terus berfikiran demikian, katanya, kita akan hanya mampu jadi pengikut dan bukan pemimpin, justeru kita perlu jadi perintis.

"Apabila satu dunia tak buat, kita buat... masyarakat global akan datang kepada kita seterusnya membantu menjayakan hasrat Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Dr Noraini Ahmad untuk menarik minat 250,000 pelajar antarabangsa ke Malaysia menjelang tahun 2025 seterusnya mampu menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan global," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Sesi Jelajah MQA @ IPT Swakreditasi di International Medical University (IMU), di sini, hari ini.

Hadir sama, Naib Canselor IMU Prof Abdul Aziz Baba, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Jaminan Kualiti) MQA Prof Ir Dr Khairul Salleh Mohamed Sahari, Pengarah Kanan (Pembangunan Dasar dan Kepakaran) MQA Mohammad Dzafir Mustafa, Pengarah Kanan (Akreditasi) MQA Mohd Khairul Nizam Ibrahim dan Pengarah Bahagian Audit Institusi MQA Mazlinawati Mohamed.

Dengan status swaakreditasi, IPT boleh menawarkan program yang dirasakan bersesuaian dan mendapat permintaan tinggi selepas melalui proses akreditasi serta dipersetujui senat universiti.

Mengulas lanjut, Mohammad Shatar berkata, penawaran kursus *micro-credentials* sama ada pecah kecil daripada program yang sudah mendapat akreditasi atau *secara stand-alone* menjadi satu daripada inisiatif penjana pendapatan buat IPT.

Di peringkat global pula, katanya, Malaysia menjadi negara kedua tertinggi untuk carian berkenaan *micro-credentials* selepas Australia di Google Trends.

"Ini membuktikan pengajian tinggi di negara ini sudah mencapai standard yang baik di peringkat global apabila menjadi antara rujukan paling utama berkaitan *micro-credentials*.

"Kelebihan ini perlu dimanfaatkan oleh IPT tempatan untuk menawarkan pengajian tinggi yang bersifat lebih fleksibel bukan hanya untuk pasaran pelajar di negara ini, malah untuk masyarakat antarabangsa," katanya.

Disiarkan pada: September 20, 2022 @ 2:26pm